



Tambang feri Pulau Tioman dikurangkan 60 peratus

Oleh **Mohd Rafi Mamat** - Disember 4, 2022 @ 3:49pm
bhnews@bh.com.my



Kerajaan Pahang mengurangkan 60 peratus tambang feri ke Pulau Tioman berbanding kadar semasa RM50. - Foto fail NSTP

ROMPIN: Kerajaan Pahang mengurangkan 60 peratus tambang feri ke Pulau Tioman berbanding kadar semasa RM50.

Menteri Besar, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail, berkata ia diputuskan selepas mendengar rungutan penduduk Pulau Tioman termasuk harga tambang feri yang membebankan mereka.

"Kerajaan negeri seharusnya mempertimbangkan keluh kesah mereka (penduduk Pulau Tioman) dan bersetuju untuk memberi kelulusan mengurangkan tambang feri daripada RM50 kepada RM20 seorang.

"Ini bermakna kerajaan Pahang terpaksa memberi subsidi sebanyak RM500,000, saya percaya dengan penurunan harga tambang feri itu ia sedikit sebanyak boleh meringankan beban penduduk," katanya selepas mengadakan lawatan dan bertemu dengan penduduk Pulau Tioman, di sini semalam.

Yang turut hadir EXCO Pahang, Datuk Seri Johari Harun dan calon Barisan Nasional (BN) Dewan Undangan Negeri (DUN) Tioman, Datuk Seri Mohd Johari Hussain.

Mengenai jeti kargo, Wan Rosdy berkata, permohonan kepada Kementerian Pengangkutan telah dikemukakan bagi membaik pulih jeti yang menelan belanja hampir RM8 juta dengan kerajaan negeri memberikan peruntukan sebanyak RM1 juta.

Beliau berkata, sebuah klinik bersalin di Pulau Tioman telah diberikan kelulusan bagi kemudahan penduduk setempat.

"Seorang doktor pakar akan ditempatkan di klinik terbabit... saya percaya kemudahan ini dapat memberi lebih keselesaan penduduk di Pulau Tioman," katanya.